

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) masih belumewartakan peta daerah mengundi dan lokasi tempat-tempat mengundi yang terlibat dalam proses persempadanan semula di Sarawak mengikut kehendak-kehendak Seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958. Bilakah ia akan diwartakan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri Sarawak dilaksanakan selaras dengan kehendak Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa SPR hendaklah dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya perlu mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan negeri-negeri kepada bahagian-bahagian pilihan raya dan mengesyorkan apa-apa perubahan mengenainya yang difikirkan perlu supaya dipatuhi peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas.

Selepas urusan Kajian Semula Persempadanan tersebut dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat, maka proses pewartaan peta daerah mengundi dan lokasi tempat-tempat mengundi yang terlibat dalam urusan Kajian Semula Persempadanan akan dimulakan selaras dengan kehendak Seksyen 7(1) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19).

Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat kes semakan kehakiman terhadap urusan Kajian Semula Persempadanan Negeri Sarawak yang belum selesai, urusan tersebut telah ditangguhkan. Tindakan SPR selanjutnya adalah bergantung kepada keputusan sama ada rayuan akan difailkan atau tidak oleh Jabatan Peguam Negara.

Sekian. Terima kasih.